

Penjejak Karbon CIMB (Carbon Tracker)

Soalan Lazim

1. Apakah ciri ini?

S1. Apakah itu CIMB Carbon Tracker?

Penjejak Karbon yang tersedia melalui aplikasi CIMB OCTO menyediakan anggaran pengiraan impak CO₂e (Karbon Dioksida setara) (dalam kilogram) bagi setiap pembelian menggunakan Kad Debit atau Kad Kredit CIMB anda. CIMB bekerjasama dengan Mastercard untuk menukarkan perbelanjaan kad kepada anggaran CO₂e berdasarkan Indeks Åland oleh Doconomy.

Carbon Tracker membolehkan Pemegang Kad CIMB menganalisis transaksi merentasi 7 kategori utama perbelanjaan. Senarai kategori dan subkategori diapamerkan seperti berikut

Kategori	Subkategori
Perkhidmatan Kewangan	Perkhidmatan Perbankan, Derma/Sumbangan, Syarikat Penyedia Insurans, Bayaran Balik & Amortisasi, Simpanan & Pelaburan
Makanan & Minuman	Bar, Kedai Bir, Wain & Minuman Keras, Restoran Makanan Segera, Kedai Runcit & Pasar Raya, Kiosk & Kedai Serbaneka, Restoran & Kafe
Kesihatan & Kesejahteraan	Kedai Gunting Rambut, Pendandan Rambut & Penjagaan Diri Lain, Perkhidmatan Jagaan Harian Kanak-kanak, Hospital, Pakar Optik, Doktor Gigi & Pengamal Kesihatan Lain, Farmasi, Kemudahan Penjagaan Kediaman, Perkhidmatan Penjagaan Rumah & Pesakit Luar, Pusat Senaman & Sukan
Rumah	Utiliti Elektrik, Keselamatan Rumah, Internet & Penstriman, Perkhidmatan Rumah Lain, Sewaan, Penyelenggaraan & Pembaikan Kediaman, Telekomunikasi
Riadah	Taman Tema, Arked & Boling, Permainan Video & Pertaruhan, Panggung Wayang, Konsert & Acara, Hotel & Penginapan Lain, Muzium, Tapak Bersejarah & Zoo, Sukan Luar, Aktiviti & Industri Rekreasi, Sukan Menonton, Agensi Pelancongan
Membeli-belah	Seni, Produk Kecantikan, Pakaian & Aksesori, Gedung Serbaneka, Cuci Kering & Jahitan, Elektronik & Perkakas Rumah, Perabot & Hiasan Dalamann, Kebun & Tumbuhan, Kedai Perkakasan & Kedai Cat, Kedai Runcit Pelbagai, Muzik/Filem/Buku & Permainan, Akhbar & Majalah, Kedai Dalam Talian & Pemasaran Langsung, Percetakan, Kedai Barangan Terpakai, Barangan Sukan, Pembelian Kenderaan, Perkhidmatan Web
Pengangkutan	Sewaan & Pajakan Automotif, Pembaikan & Penyelenggaraan Automotif, Trafik Pelayaran & Laluan Air, Penerbangan, Gas & Bahan Api, Pengangkutan Awam & Teksi, Perjalanan Kereta Api
Lain-lain	Perkhidmatan Pengurusan Jenazah, Perkhidmatan Perundangan, Perkhidmatan Peribadi Lain, Perkhidmatan Pos & Penghantaran, Cukai, Yuran Pengajian

S2. Apakah maksud CO2e?

CO2e atau Carbon Dioxide Equivalent ialah ukuran yang digunakan untuk mengukur pelbagai gas rumah hijau seperti karbon dioksida, metana dan nitrus oksida, dan mengambil kira kesannya terhadap perubahan iklim. Setiap gas rumah hijau mempunyai potensi pemanasan global (Global Warming Potential) dan tahap ketahanan di atmosfera yang berbeza. Gas-gas tersebut akan diterjemah ke karbon dioksida dan dipaparkan dalam ukuran kilogram atau tan untuk perbandingan yang mudah.

S3. Apakah yang dimaksudkan dengan “jejak karbon”?

Jejak karbon ialah jumlah keseluruhan CO2e yang terhasil daripada aktiviti harian kita, termasuk pembelian produk dan perkhidmatan menggunakan Kad Debit dan Kad Kredit CIMB.

S4. Siapakah Doconomy?

Doconomy ialah peneraju pasaran dalam teknologi impak, berdedikasi untuk memacu tindakan iklim global dengan melengkapkan bank dengan alat kewangan yang mendidik pengguna dan menggalakkan perubahan positif.

2. Bagaimanakah ia berfungsi?

S5. Bagaimanakah Carbon Tracker mengira jejak karbon saya?

Jejak Karbon (The Carbon Tracker) disokong oleh Doconomy. Doconomy menerapkan metodologi penilaian yang mantap bagi memperhalusi anggaran impak karbon secara berterusan. Pada dasarnya, ia menyelaraskan data pelepasan sumber industri dengan maklumat pembayaran pengguna untuk menghitung anggaran CO2e bagi setiap transaksi yang dilakukan oleh Pemegang Kad.

S6. Bagaimanakah perbelanjaan saya ditukarkan kepada CO2e?

Indeks Åland (The Åland Index) menghitung jejak karbon bagi sesuatu transaksi berdasarkan harga pembelian dan faktor intensiti sektor.

Secara lebih terperinci: apabila sesuatu transaksi kewangan selesai, ia dipetakan secara automatik kepada Kategori Doconomy menggunakan pengecam seperti Kod Kategori Pedagang (Merchant Category Code atau MCC). Setiap Kategori Doconomy mempunyai faktor intensiti khusus bagi sektor industri yang dianggotai oleh pedagang tersebut.

Hasil yang diperoleh adalah dalam unit gram CO2e dan dirumuskan pada setiap bulan.

Metodologi Indeks Åland menggunakan model statistik yang menggambarkan hubungan antara saiz syarikat, ciri-ciri sektor, dan pelepasan. Kaedah ini digabungkan bersama pengesanan nilai asing (outlier detection) yang mengenal pasti serta mengendalikan nilai ekstrem secara automatik, bagi menghitung faktor intensiti sektor yang boleh dipercayai dan mantap.

S7. Sejauh manakah ketepatan angka ini?

Semua nilai dalam Jejak Karbon adalah anggaran, bukan pelepasan sebenar. Jejak karbon dihitung menggunakan Indeks Åland™ yang menggabungkan kos pembelian dengan impak kategori pedagang tersebut. Ini bermakna indeks ini dapat membezakan antara lawatan ke kedai bunga dan klinik gigi, tetapi tidak dapat memperincikan item spesifik yang dibeli (cth: mawar atau tulip).

Indeks ini bertujuan memberi gambaran keseluruhan tentang pelepasan karbon anda, dan bukannya pengiraan tepat gaya hidup anda. Data ini paling sesuai digunakan untuk memahami impak relatif perbelanjaan serta mengenal pasti peluang untuk mengurangkannya. Anggaran ini mungkin diperhalusi dari semasa ke semasa mengikut kemas kini metodologi Indeks Åland.

Sila rujuk maklumat “Mengenai Indeks Åland” di penghujung dokumen ini.

S8. Adakah kategori yang sama menghasilkan pelepasan yang berbeza mengikut negara?

Tidak. Pelepasan bagi kategori yang sama adalah konsisten tanpa mengira negara atau wilayah. Semua transaksi ditukarkan kepada USD sebelum dinilai oleh Doconomy.

S9. Mengapa jejak karbon saya berbeza walaupun transaksi adalah sama?

Perbezaan mungkin berlaku disebabkan perubahan kadar pertukaran mata wang asing atau kemas kini data pelepasan yang digunakan dalam Indeks Åland

S10. Bagaimanakah pelepasan dibandingkan dalam kategori yang sama?

Sesetengah subkategori menghasilkan lebih banyak CO₂e berbanding yang lain walaupun berada dalam kategori yang sama. Rujuk contoh dalam rajah berikut.

ILLUSTRATIVE CONSUMER SPEND

Amount (USD)	Category	Åland 4.0 (kg)
\$75.50	Online Stores	14.02
\$60.00	Gas & Fuel	99.47
\$12.00	Public Transport	8.02
\$150.00	Clothing	19.7
\$450.00	Flights	463.47
\$15.99	Internet & Streaming	1.5
\$40.00	Cinema & Events	10.17
\$95.00	Electric utilities	167.18
\$45.00	Personal Care	5.3
\$200.00	Hotel & Accommod.	60.08
		848.91 kg

S11. Bagaimanakah saya memahami impak pelepasan karbon saya?

Carbon Tracker menyediakan paparan kesetaraan yang menunjukkan contoh seperti jarak perjalanan kereta, bilangan pengecasan telefon atau bilangan anak pokok yang ditanam.

Perbandingan purata bulanan dengan purata kebangsaan untuk membantu anda menilai prestasi berbanding rakyat Malaysia yang lain.

3. Apa yang termasuk?

S12. Kaedah pembayaran manakah yang layak?

Semua transaksi Kad Kredit dan Kad Debit CIMB di premis peruncit termasuk Mastercard, Visa dan MyDebit.

S13. Jenis kad manakah yang layak?

Semua Kad Kredit dan Kad Debit CIMB utama dan tambahan di bawah Visa dan Mastercard adalah layak.

S14. Adakah semua jenis transaksi termasuk dalam Carbon Tracker?

Semua transaksi kad yang dibuat melalui kad CIMB termasuk pembelian dalam talian akan diambil kira. Transaksi bukan runcit adalah dikecualikan, termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi yang disenaraikan dalam jadual di bawah.

Termasuk	Dikecualikan
Transaksi runcit	Pembayaran DuitNow QR
Tambah nilai e-dompet seperti Touch 'n Go eWallet, GrabPay	FPX dan pemindahan wang dalam talian
Transaksi ansuran bulanan	Transaksi berkaitan ATM termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran tunai melalui ATM
	Yuran dan caj
	Jumlah bayaran prinsipal ansuran
	Pendahuluan tunai

4. Bagaimanakah cara saya menggunakannya?

S15. Bagaimanakah saya mengaktifkan Carbon Tracker?

Anda boleh mengaktifkan Carbon Tracker melalui aplikasi CIMB OCTO. Dari halaman utama, pilih "Lagi", klik perkhidmatan, dan pilih Penjejak Karbon. Penjejakan bermula dari tarikh anda memilih untuk menyertainya.

S16. Bilakah jejak karbon saya akan dipaparkan?

Jejak Karbon mula menjejak transaksi kad anda dari tarikh anda memilih untuk menyertai (opt-in). Butiran jejak karbon akan dipaparkan dalam tempoh 3 hari

perniagaan selepas setiap transaksi yang layak disiarkan, oleh itu data tidak akan muncul serta-merta sebaliknya akan dikemas kini sebaik sahaja transaksi anda disiarkan.

S17. Berapa banyak data sejarah yang boleh saya lihat?

Anda boleh melihat sehingga 12 bulan data dalam carta Trend Bulanan dan pecahan kategori bulanan.

S18. Di manakah saya boleh mengakses Carbon Tracker?

Carbon Tracker tersedia secara eksklusif melalui aplikasi CIMB OCTO. Ciri ini tidak boleh diakses melalui laman web CIMB Clicks.

5. Pengurusan penyertaan

S19. Bagaimanakah saya berhenti menggunakan Carbon Tracker?

Anda boleh memilih untuk berhenti menyertai melalui halaman Manage Carbon Tracker. Tempoh bertenang selama 30 hari dari tarikh penyertaan terpakai.

S20. Jika saya menyertai semula, bilakah data saya akan dipaparkan?

Anggaran jejak karbon akan disambung semula dari tarikh penyertaan baharu. Transaksi yang dibuat semasa anda tidak menyertai tidak akan dikira.

6. Mengambil Tindakan

S21. Apakah yang boleh saya lakukan selepas mengetahui jejak karbon saya?

Mengetahui jejak karbon anda merupakan langkah pertama ke arah perubahan positif dalam kehidupan seharian. Carbon Tracker membantu anda memahami kesan perbelanjaan dan mengenal pasti tindakan yang boleh diambil untuk mengurangkan pelepasan karbon.

7. Maklumat Penting

Mengenai Åland Index™

Indeks Åland (The Åland Index) telah dilancarkan pada tahun 2016 oleh Ålandsbanken, dan versi terkini telah dibangunkan dengan kerjasama S&P Global. Indeks ini diuruskan dan diselenggara oleh Doconomy AB di Sweden, iaitu rakan kongsi UNFCCC yang mempromosikan Tindakan Iklim Global. S&P Global bukan syarikat sekutu Ålandsbanken atau Doconomy AB, dan syarikat tersebut menafikan semua liabiliti bagi sebarang tuntutan, kerugian, atau ganti rugi yang berkaitan dengan penggunaan atau aplikasi bahan miliknya dalam Indeks Åland.

Tujuan Indeks Åland adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang bagaimana gaya hidup kita memberi impak kepada iklim serta menggalakkan perubahan tingkah laku yang positif. Sentiasa ambil maklum bahawa prestasi masa lalu bukan petunjuk atau jaminan kepada keputusan masa hadapan. Indeks ini disemak oleh pihak ketiga

yang bebas, yaitu EY, dan dikemas kini secara berkala. Baca lebih lanjut mengenai kerja-kerja penting Indeks Aland dan Doconomy AB di